

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Pujuk kandungan usah lahir dulu

22. Oct 2008

Harian Metro

Setempat

336603

2192000

Language MALAY

Page No 21

Article Size 320 cm2

Frequency Daily

Color Full Color

AdValue 14666.03



BERDEBAR...Seynorita berehat di klinik UPM dengan ditemani suaminya selepas menerima ijazah.

CERIA...Sabrina (dua dari Kanan) diapit suami, Syed Azman Syed Sagaf dan anak mereka Sharifah Anis Aqilah, Sharifah Ain Afiqah dan Syed Amar selepas konvokesyen UPM, semalam.

Konvokesyen UPM Ke-32

Pujuk kandungan usah lahir dulu



>>Oleh Faizatul Farlin Farush Khan
ffarlin@hmetro.com.my

SERDANG: "Saya 'pujuk' kandungan yang sudah sarat sejak beberapa hari lalu supaya 'sabar' memandangkan saya ingin naik ke pentas untuk mengambil skrol ijazah," kata penerima Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dan Bimbingan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Seynorita Samsudin, 32.

Dia yang ditemani suaminya, Amran Abu Bakar, 42, antara 797 graduan UPM yang menerima

skrol diploma dan ijazah masing-masing pada sesi ketujuh majlis konvokesyen ke-32 universiti itu di Dewan Besar, di sini, semalam.

Amran berkata, isterinya bertegas mahu mengambil skrol ijazah pada majlis berkenaan kerana ia adalah pengalaman pertamanya walaupun dinasihatkan jururawat supaya memasuki wad bagi menunggu masa bersalin.

Katanya, sebaik hajat isterinya untuk menerima ijazah di atas pentas tercapai, Seynorita terus berasa pening dan sakit hingga terpaksa menerima perhatian petugas perubatan di UPM.

"Setiap hari isteri saya memujuk kandungannya supaya bertahan seperti

'sabar dulu, bagi ibu pergi konvo' kerana ini adalah antara perkara penting baginya. Kami gembira semuanya berjalan lancar," katanya.

Sejurus menerima ijazah, guru kaunselor di Sekolah Menengah Seri Tanjung Melaka yang dijangka melahirkan anak ketiga mereka hari ini, mengambil keputusan pulang ke Masjid Tanah, kerana mahu melahirkan anaknya di negeri itu.

Penerima Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik, Sabrina Arshad, 41, berkata walaupun perlu menguruskan tiga anak yang masih bersekolah, ia bukan penghalang baginya untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Kata guru Matematik merangkap Penolong Kanan Sekolah Kebangsaan Damansara Damai, di sini, usia atau tanggungan bukan penghalang baginya untuk mencapai cita-cita dalam meningkatkan tahap pendidikannya.

"Saya terpaksa belajar membahagi masa dengan sebaik-baiknya dan selalunya saya terpaksa mengulang kaji (pelajaran) antara jam 12 tengah malam hingga 2 pagi.

"Saya kahwin ketika usia 21 tahun dan kerana pelbagai tanggungjawab lain termasuk kelahiran anak, saya sering menanggung hasrat menyambung pengajian tetapi ketika peluang datang tiga tahun lalu, saya tidak menoleh ke belakang lagi," katanya.